



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my



SIARAN MEDIA

MAJLIS MALAM ANUGERAH LPP 5 DEKAD SEMPENA ULANG TAHUN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KE 50

MAEPS, Serdang (27 Februari 2023) – YB Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah hadir ke **Majlis Malam Anugerah LPP 5 Dekad** Sempena Ulang Tahun Lembaga Pertubuhan Peladang Ke 50 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang. Pengisian majlis penuh bermakna dengan penyampaian anugerah kepada tokoh dan kepimpinan sebagai penghargaan perjuangan Lembaga Pertubuhan Peladang dalam memartabatkan pergerakan Pertubuhan Peladang dan mensejahterakan peladang.

Kemeriahan majlis yang di inspirasikan ala Anugerah Bintang Popular jelas terserlah dengan kehadiran seramai 1,200 orang terdiri daripada pemimpin-pemimpin peladang, pemegang taruh, rakan strategik, alumni, Figura Peladang, rakan-rakan wartawan dan warga LPP yang datang dari segenap pelusuk negara. Majlis yang meraikan LPP genap 50 tahun pada 14 Februari 2023 menterjemahkan kehadiran LPP dalam memikul tanggungjawab meningkatkan sosio ekonomi agromakanan negara terbukti berjaya.

Mohamad dalam ucapannya merakamkan tahniah dan syabas kepada LPP kerana telah memainkan peranan sebagai nadi pergerakan Pertubuhan Peladang selama 5 dekad. Beliau menyeru kepada semua warga peladang terus mendokong Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai agen pembangunan agromakanan dalam memastikan ketersediaan dan keterjaminan makanan. Beliau turut menegaskan agar semua warga LPP terus cakna untuk memperkasa institusi peladang dan ahli peladang.

Ketua Pengarah LPP berkata LPP telah bersedia menyahut saranan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam ketersediaan dan keterjaminan makanan negara dengan memfokuskan projek tanaman ruminan dan biak baka (lembu pedaging secara fidlot) berskala besar dalam memenuhi keperluan bekalan daging dalam negara mencukupi. Ujar Azulita, industri pertanian yang terkenal sebagai industri *3D iaitu Dangerous, Dirty, Difficult*; bukanlah satu bidang yang menarik untuk golongan muda, namun LPP berjaya melahirkan ramai usahawan jutawan Pertubuhan Peladang. LPP juga akan terus komited meremajakan Pertubuhan Peladang dengan menarik golongan muda dibawah usia 40 tahun sebagai pelapis dalam industri agro makanan.

Kemeriahan Malam Anugerah yang berlangsung di MAEPS yang mempertandingkan 7 kategori dengan 24 calon dari Pertubuhan Peladang seluruh negara dengan menawarkan nilai hadiah keseluruhan bernilai RM60,000.00. Anugerah utama untuk Malam Anugerah LPP 5 Dekad ialah Tokoh Khas LPP yang mengiktiraf sumbangan besar atas kecemerlangan LPP menerajui Pertubuhan Peladang. Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Pertubuhan Peladang Negeri Premier, Pertubuhan Peladang Kawasan Premier, Pengerusi Pertubuhan Peladang Cemerlang, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Cemerlang, Penarafan Pertubuhan Peladang Gred A dan Projek My Green Team. Anugerah yang mengiktiraf kecemerlangan Pertubuhan Peladang yang terbukti mampu bersaing dalam industri pertanian.

Turut hadir sama dalam majlis ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Chan Foong Hin, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian YBhg. Dato' Azah Hanim binti Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), YBhg. Dato' Azulita Binti Salim, Setiausaha Tetap Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Encik Surai Anak Daha, pemimpin-pemimpin peladang, Pengurus-pengurus Besar Pertubuhan Peladang seluruh negara serta dif-dif jemputan.

Disediakan oleh:

**Bahagian Hal Ehwal Korporat
Lembaga Pertubuhan Peladang
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan**